

LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN  
YANG TELAH DIODIT

BAGI

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
TAHUN 1976

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
PETALING JAYA

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN  
YANG TELAH DIODIT**

**BAGI**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
TAHUN 1976**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
PETALING JAYA**

## ISI KANDUNGAN

A. PENDAHULUAN	1
B. ORGANISASI LEMBAGA	2
i) Ahli-Ahli Resmi	
ii) Ahli-Ahli Tidak Resmi	
iii) Organisasi FAMA	
iv) Jawatan Baru Yang Diluluskan Pada Tahun 1976	
v) Carta Organisasi	
C. PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	3
i) Kegiatan Pentadbiran	
ii) Pejabat Negeri dan Daerah	
iii) Kegiatan Kewangan	
D. PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN	6
i) Kajian Mengenai Pengeluaran Kacang tanah	
ii) Kajian Mengenai Potensi Ubikayu	
iii) Kajian Mengenai Bekalan Kelapa	
iv) Kajian Mengenai Pengeluaran Kobis Tanah Rendah	
v) Kajian Mengenai Permintaan Jagong Dalam Tin	
vi) Kajian Mengenai Harga Pasaran Kacang Hijau dan Cili Kering	
vii) Kajian Mengenai Luang Pasaran Bagi Pisang dan Tembikai	
viii) Kajian Mengenai Skim Pemasaran Lada Hitam	
ix) Kajian Potensi Pasaran	
x) Lain-lain Kegiatan	
E. PROJEK PEMBANGUNAN	8
i) Perancangan Projek	
ii) Perlaksanaan Projek	
1. Pemilihan Tapak AMC	
2. Pusat AMC Tanjung Karang	
3. Pusat Memproses Kacang tanah, Pasir Mas	
4. Pusat Memproses Koko, Sabak Bernam	
5. Pusat Memproses Kelapa Kering, Bachok	
6. Pusat Memproses Kelapa Kering, Rengit	
7. Pusat Memproses Kelapa Kering, Sebangan	
8. Pusat Memproses Lada Hitam	
iii) Kemajuan Operasi	
1. Pusat Memproses Kopi, Kancong Darat	
2. Pusat Memproses Kelapa Kering, Sabak Bernam	
3. Pusat Memproses Kelapa Kering, Bagan Datoh	
F. PEMASARAN	9
i) Perkhidmatan Pemasaran	
ii) Perisik Pasaran	
1. Laporan Barangian Mingguan	
2. Monthly Commodity Bulletin and Monthly Commodity Statistics	
3. Review of Agricultural Economics	

4. Panduan Pembeli
  5. Monthly Commodity Extract
- iii) Kemajuan Pasaran
1. Memajukan Barang FAMA
  2. Pesta Tempatan
  3. Risalah Buah-Buahan
  4. Pameran

**G. KAWALAN DAN PERLESENAN**

- i) Skim Pemasaran Kacangtanah
- ii) Skim Kawalan Sayur-Sayuran
- iii) Skim Pemasaran Lada Hitam
- iv) Skim Kawalan Buah-Buahan
- v) Bilangan Pemegang Lesen

**H. KIRA-KIRA TAHUNAN**

**LAPORAN TAHUNAN DAN AKAUN YANG TELAH  
DIODITKAN BAGI LEMBAGA PEMASARAN  
PERTANIAN PERSEKUTUAN MALAYSIA 1976**

**A. PENDAHULUAN**

i. Laporan ini ialah Laporan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang meliputi tahun berakhir pada 31hb Disember, 1976.

Lembaga telah ditubuhkan pada 30hb September, 1965 di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, yang menyatakan bahawa tugas-tugas Lembaga adalah seperti berikut:—

- (a) Menyelaraskan kegiatan-kegiatan pemasaran hasil-hasil pertanian oleh orang-orang persendirian atau badan-badan pertubuhan (sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta) yang terlibat atau mungkin terlibat di dalam sebarang bidang pemasaran hasil-hasil pertanian.
- (b) Menimbang dan memajukan, jika perlu, cara-cara untuk memperbaiki pasaran dan caracara untuk memperbaiki pasaran dan cara-cara pemasaran hasil-hasil pertanian dan untuk mencari serta memajukan pasaran dan saluran-saluran dan pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian.
- (c) Berkerjasama dengan orang-orang atau badan-badan pertubuhan (sama ada di dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta) untuk memajukan pemasaran hasil-hasil pertanian supaya lebih licin dan berkesan.

ii) **Pindaan Akta Lembaga**

Akta Lembaga telah dipinda oleh Parlimen pada bulan Julai, 1973 di mana Lembaga telah diberi tugas-tugas tambahan seperti berikut:—

- (d) Menyediakan kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasaran hasil-hasil pertanian dan memastikan bahawa kemudahan-kemudahan tersebut digunakan dengan sepenuhnya; dan
- (e) Menurut serta dalam perusahaan memproses hasil-hasil pertanian.

Selain daripada itu pindaan ke atas Akta ini membolehkan Lembaga mengambil bahagian di dalam perniagaan hasil-hasil pertanian secara langsung tanpa mengujudkan rancangan-rancangan pemasaran atau menujuhkan jemaah pemasaran terlebih dahulu.

Hasil-hasil pertanian yang ditanggungjawabkan kepada Lembaga di bawah Akta ini dari segi pemasarannya ialah termasuk semua hasil-hasil pertanian kecuali getah, nenas, padi dan beras, ikan, ternakan termasuk ayam, itik, telur dan sebagainya.

Lembaga ini bertanggungjawab kepada Y.B. Menteri Pertanian di dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya. Lembaga dibiayai oleh kerajaan dengan memberi wang (grant) secara langsung untuk perbelanjaan dan pembangunan dan wang pinjaman untuk rancangan-rancangan perniagaan.

Untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab yang tersebut di atas, Lembaga telah diberi kuasa-kuasa yang berikut:-

- (a) Untuk menyelaraskan dan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan pemasaran yang sedia ada dan badan-badan kerajaan yang terlibat dalam pemasaran hasil-hasil pertanian supaya amalan-amalan pemasaran dapat diperbaiki dan kecekapan sistem pemasaran dipertinggikan.
  - 1. mengadakan rancangan memperbaiki pemasaran;
  - 2. menyediakan kemudahan-kemudahan pemasaran seperti setor, pengangutan, memproses, memeringkat mutu, kredit dan sebagainya;
  - 3. mengawal mutu, cara-cara dan amalan pemasaran dan sebagainya; dan
  - 4. menjalankan penyiasatan pemasaran, kajian kemungkinan, penyiasatan dan penyelidikan, dengan tujuan untuk mengadakan satu asas yang teguh bagi merangka dasar-dasar dan rancangan-rancangan pemasaran yang bertujuan untuk memperbaiki sistem pemasaran.
- (b) Melindungi petani-petani dan pengguna-pengguna dari akibat turun-naik harga yang berlebihan bagi hasil-hasil pertanian.
- (c) Mengadakan suasana ekonomi dan sosial yang baik bagi memperkembangkan dan menambahkan pengeluaran, memperbaikian dan memajukan pertanian.
- (d) Mengadakan peluang pekerjaan yang lebih dalam sektor pemasaran pertanian; dan
- (e) Menggalakkan penyertaan bumiputera dalam semua rancangan-rancangan dan projek-projek yang dijalankan atau akan dijalankan oleh Lembaga.

## B. ORGANISASI LEMBAGA

### i) Ahli-Ahli Resmi

- |   |  |
|---|--|
| 1. Pengerusi Lembaga  | — Datok Ishak b. Hj. Pateh Akhir   |
| 2. Ketua Pengarah Lembaga                                   | — Encik Abd. Rahman b. Hj. Yusof   |
| 3. Wakil Perbendaharaan                                     | — Encik Khalid b. Abd. Aziz/<br>Encik Jaafar b. Mat                      |
| 4. Wakil Kementerian Perdagangan dan<br>Perindustrian       | — Encik Ahmad b. Sa'ad   |
| 5. Wakil Kementerian Pertanian                              | — Encik Norani Kamaran   |
| 6. Wakil Bahagian Pertanian<br>Kementerian Pertanian        | — Datok Hj. Basir b. Ismail  |
| 7. Wakil Yunit Perancang Ekonomi<br>Jabatan Perdana Menteri | — Puan Rahmah bt. Hj. Kassim/<br>Sheikh Ahmad Soekarno b. Sheikh Hussain |

### ii) Ahli-Ahli Tidak Resmi

- 1. Tuan Dr. Syed Hussain Wafa b. Syed Fakhar Wafa
- 2. Y.B. Encik Hisan b. Ibrahim

3. Y.B. Encik Lat b. Kassim
4. Y.B. Encik Osman b. Aroff
5. Y.B. Datuk Hj. Abdullah b. Hj. Sudin

Sepanjang tahun 1976 Lembaga telah bersidang sebanyak 2 kali dan Jawatankuasa Kerja Lembaga bersidang sebanyak 2 kali.

Ahli-Ahli Jawatankuasa kerja Lembaga adalah seperti berikut:

1. Datuk Ishak b. Hj. Pateh Akhir
2. Encik Abd. Khalid b. Abd. Aziz
3. Encik Mohd. Murzid b. Mohd. Wali
4. Puan Rahmah bt. Hj. Kassim
5. Encik Jaafar Mat
6. Y.B. Che Lat Kassim

iii) **Organisasi FAMA**

Ketua organisasi Lembaga ialah Pengurus dan Timbalan Pengurus pula ialah Ketua Pentadbir. Organisasi ini mempunyai 4 orang pengarah sebagai ketua jabatan di empat bahagian dan dibantu oleh 6 orang Penolong Pengarah, seorang Jurutera Kanan, seorang Perangkawan Kanan dan kakitangan dari jabatan-jabatan yang berkenaan. Pada akhir tahun 1976, kakitangan Lembaga berjumlah seramai 223 orang. Gambar rajah organisasi Lembaga adalah seperti di Lampiran I.

iv) **Jawatan Baru Yang Diluluskan Dalam Tahun 1976**

Jawatan-jawatan yang telah diluluskan untuk Lembaga dalam tahun 1976 adalah seperti berikut:—

Pembantu Penyelidik	1
Pembantu Kewangan	1
Juruteknik	4
Pembantu Pemasaran	6
Kerani Komputer	1
Kerani Audit	1

**C. JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**

i) **Kegiatan Pentadbiran**

Sepanjang tahun 1976 sebanyak 25 jawatan telah pun diisi, jawatan tersebut ialah:

- a) Pengarah (1)
- b) Penolong Pengarah (1)
- c) Jurutera Awam (1)
- d) Ahli Ekonomi Pertanian (2)
- e) Pembantu Kewangan (3)
- f) Pembantu Penyelidik (1)
- g) Merinyu Pemasaran (5)

- h) Pelukis (1)
- i) Penyimpan Kira-Kira (1)
- j) Penolong Merinyu Pemasaran
- k) Juruteknik (1)
- l) Pemandu (1)

Pengambilan pekerja-pekerja telah dilakukan untuk mendapatkan pekerja-pekerja bagi Kilang Memproses Kacang tanah di Pasir Mas dan Kilang Memproses Kopi di Banting. Pengambilan pekerja-pekerja ini terdiri daripada pengurus dan lain-lain kakitangan kilang.

Sebanyak 6 orang kakitangan Lembaga telah meletakkan jawatan di sepanjang tahun ini, iaitu:

- a) Penolong Pengarah (1)
- b) Ahli Ekonomi Pertanian (1)
- c) Pembantu Kewangan (3)
- d) Pemandu (1)


Berhubung dengan skim latihan, Lembaga telah menghantar seorang pegawai mengikuti program sarjana di Manila, seorang Ahli Ekonomi Lembaga pula telah tamat pengajian sarjana di Australia National University. Walaubagaimana pun terdapat kekurangan kursus-kursus seberang laut bagi pegawai Bahagian Dua, langkah-langkah akan diambil bagi memperbaiki kedudukan ini.

Kemudahan-kemudahan latihan tempatan yang ditawarkan oleh MIM, INTAN dan NPC telah digunakan sepenuhnya oleh Lembaga bagi melatih kakitangan di semua peringkat dalam bahagian pernasan, perakaunan dan pengurusan. Bagi memperbaiki bahagian penguatkuasaan terhadap skim kawalan pasaran, Lembaga telah menghantar pegawai Lembaga ke kursus yang tertentu di Kubu Bahru bagi membolehkan mereka menjalankan kerja-kerja dengan sempurna.

Lembaga juga menyediakan kemudahan latihan kepada penuntut-penuntut dari berbagai institusi pelajaran tinggi bagi latihan praktikal di Lembaga.

## ii. Pejabat-Pejabat Negeri dan Daerah

Dalam tahun 1976, Lembaga telah mengkaji dan menyusun semula kedudukan pejabat-pejabat di negeri-negeri dan daerah-daerah. Dalam penyusunan semula ini tiap-tiap negeri dibahagikan kepada dua wilayah utama. Tiap-tiap wilayah akan dijaga oleh seorang pegawai Bahagian II yang dibantu oleh satu atau dua kakitangan Bahagian III sebagaimana yang ditunjukkan dalam carta di bawah. Penyusunan semula ini adalah perlu untuk memperkemaskan dan menguatkan kawalan dan penyeliaan pada semua peringkat:



Sepanjang tahun ini Lembaga telah membuka satu pejabat di Kota Kinabalu, Sabah bagi memberikan keperluan-keperluan pasaran yang diperlukan oleh Sabah di mana negeri tersebut telah melancarkan beberapa rancangan pertanian dan mengalami masalah-masalah dalam menentukan pulangan yang berpatutan kepada petani-petani. Ini menyebabkan Unit Perancang Negeri Sabah telah meminta ditubuhkan sebuah pejabat FAMA di negeri itu. Hingga akhir tahun 1976, Lembaga telah mempunyai 39 pejabat di seluruh negara iaitu seperti berikut:

Kelantan	3
Trengganu	2
Pahang	5
Johor	4
N. Sembilan/Melaka	4
Selangor	6
Perak	6
Penang/P. Wellesley	3
Kedah/Perlis	4
Sarawak	1
Sabah	1

Kegiatan pejabat-pejabat negeri dan daerah adalah merupakan lanjutan daripada kegiatan-kegiatan yang telah diterangkan dalam Jabatan Pentadbiran dan Kewangan dan Kemajuan Projek dan Pemasaran. Mereka melakukan pelbagai tugas bila diarahkan seperti pemasaran, kawalan, menjalankan projek-projek pembangunan, Perhubungan awam, kerja-kerja promotion, mengumpul dan menganalisa maklumat-maklumat pasaran. Dalam tahun 1976 perjalanan harian pusat-pusat memproses diletakkan di bawah tanggungjawab Pegawai FAMA Negeri bukan lagi di bawah Pegawai di Ibupejabat. Ini adalah untuk memastikan adanya penyeliaan yang cukup kerana pegawai FAMA Negeri adalah lebih dekat dengan pusat-pusat memproses ini.

### iii. Kegiatan Kewangan

Usaha yang banyak telah pun ditumpukan kepada pengawasan, pembetulan dan mengemas-kinikan kerja-kerja penyimpanan buku kira-kira perniagaan di pejabat FAMA Negeri dan pusat-pusat memproses FAMA. Pengawasan ini meliputi 10 pejabat FAMA peringkat Negeri dan tiga buah pusat memproses Lembaga. Masalah utama yang dihadapi ialah kekurangan kakitangan yang

berkelayakan di peringkat ini dan kadar perletakan jawatan yang tinggi di kalangan pegawai yang mempunyai pengalaman, terutamanya di Ibupejabat. Walau bagaimanapun pihak Lembaga dapat memenuhi kekosongan dengan pegawai-pegawai yang berkelayakan di tahun ini juga.

Skim pinjaman untuk membeli rumah kepada kakitangan Lembaga telah pun berjalan se-penuhnya dalam tahun 1976. Sambutan kakitangan tidaklah sebagaimana yang dijangkakan. Ini disebabkan oleh peluang untuk mendapat pinjaman agak terhad, terutamanya bagi kakitangan di Bahagian Ketiga.

Bahagian ini juga menyediakan laporan bulanan bagi perbelanjaan pengurusan kepada pihak Kementerian dan berhubung bagi mendapatkan peruntukan yang diluluskan. Perkhidmatan begini juga dilakukan bagi mendapatkan peruntukan mengawas bagi Jemaah Pemasaran Lada Hitam.

Bahagian ini juga telah menyediakan peraturan kewangan (Financial Manual) bagi kilang Memproses Kacang tanah, Pasir Mas yang akan mulakan perniagaan dalam tahun 1977. Sistem kewangan ini meliputi penyediaan dokumen-dokumen dan peraturan semula sistem kewangan.

#### D. PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN

Pihak Lembaga telah melaksanakan beberapa penyiasatan dan kajian di sepanjang tahun 1976. Di antaranya ialah:

##### i) Kacangtanah

Kajian ini dijalankan di negeri Kedah, Perlis, Perak, Trengganu dan Kelantan. Tujuan kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang pengeluaran kacangtanah pada musim kedua. Kajian ini dapat disiapkan pada bulan Mei 1976.

##### ii) Ubikayu

Kajian potensi untuk ubikayu di negeri Melaka dan Johore telah dijalankan pada bulan Ogos 1976. Objektif kajian ini ialah untuk mendapat maklumat tentang keadaan bekalan dan permintaan ubikayu di kedua-dua negeri tersebut.

##### iii) Kelapa

Kajian yang telah dijalankan pada bulan November 1976 bertujuan untuk menyiasat atas kemungkinan mendapat bekalan kelapa di negeri Kelantan. Objektif yang penting ialah untuk mengutip data-data berkenaan dengan bekalan kelapa bagi Pusat Memproses Kelapa Kering di Bachok, Kelantan.

##### iv) Kobis Tanah Rendah

Kajian pengeluaran kobis tanah rendah ini dijalankan di negeri Kelantan, Trengganu, Melaka dan Johor. Objektif kajian ini ialah mendapatkan maklumat-maklumat yang bersangkutan dengan keluasan, pengeluaran, kos pengeluaran, jidar pemasaran dan permintaan kobis tanah rendah. Kajian ini telah dijalankan pada bulan November 1976.

v) **Jagung**

Kajian permintaan jagung dalam tin bagi Semenanjung Malaysia telah pun disiapkan pada bulan Disember 1976. Objektif kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan keadaan bekalan dan permintaan jagung manis untuk ditin.

vi) **Kacang Hijau dan Cili Kering**

Kajian yang menyentuh harga di pasaran Kuala Lumpur dijalankan pada bulan April, 1976. Objektif kajian ini adalah untuk mengutip maklumat-maklumat tentang keadaan harga dan arah aliran harga kedua-dua barang tersebut.

vii) **Pisang dan Tembakai**

Kajian luang pasaran bagi pisang dan tembakai di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah selesai dijalankan pada bulan Jun 1976. Tujuan kajian ini ialah untuk mendapat penerangan tentang luang pasaran kedua-dua jenis buah-buahan yang tersebut.

viii) **Lada Hitam**

Kerja-kerja luar untuk menilai Skim Pemasaran Lada Hitam disempurnakan dalam bulan Januari 1976 dan penyusunan data disempurnakan dipertengahan tahun. Rangka laporannya sedang dalam penyiapan.

ix) **Kajian Potensi Pasaran**

Tujuan kajian ini ialah untuk membuat anggaran bagi permintaan di Semenanjung Malaysia bagi barang keluaran yang disyorkan di bawah Rancangan Buku Hijau. Dalam tahun 1976, barang yang disyorkan ialah halia, telur, ternakan ayam itik, ikan air tawar, bawang, kacang tanah, cili, kacang hijau, betik, nenas, tembakai, pisang, tomato tanah rendah, kobis tanah tinggi, kacang soya, sekoi dan jagung.

x) **Lain-Lain Kegiatan**

Kajian luang pasaran bagi ubi kayu, kelapa kering dan kacang tanah di negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah. Objektifnya adalah untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan luang pasaran bagi hasil-hasil barang yang tersebut dan kajian ini dijalankan mulai bulan September hingga Oktober 1976.

Pada tahun ini alat komputer telah digunakan untuk memproses, mengumpulkan dan menyusun data-data penyiasatan, menganalisa perangkaan dan harga-harga barang, membuat ramalan, analisa siri masa, analisa ‘correlation’ dan ‘regression’ dan sebagainya.

Dalam proses kutipan harga-harga, harga di peringkat ladang telah dikutip di beberapa pusat pemasaran dan pemerosesan seperti Tangkak, Kulai, Sabak Bernam, Bagan Datoh, Banting dan lain-lain. Harga-harga borong dan runcit juga dikutip oleh beberapa pusat yang terletak di kedua-dua pantai barat dan timur semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak.

Penyebaran maklumat-maklumat harga adalah dibuat melalui beberapa penerbitan seperti Warta Barang, Commodity Bulletin dan Quarterly Commodity Statistics.

## E. PROJEK PEMBANGUNAN

### i. Perancangan Projek

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Lembaga telah di peruntukan wang pembangunan tambahan sebanyak \$4.75 juta. Jumlah ini tidak termasuk di dalam peruntukan tambahan. Jabatan Perancang dan Penilaian dengan lain-lain jabatan telah bekerjasama dalam menyediakan cadangan projek-projek yang sesuai dengan peruntukan ini.

### ii. Perlaksanaan Projek

1. **Pemilihan Tapak AMC** – Beberapa tapak telah dipilih dalam tahun 1976 untuk pembinaan AMC. Pusat ini bermatlamat untuk menolong pengeluar-pengeluar kecil dengan memberikan mereka luang-luang pasaran yang sedia ada, untuk memasarkan hasil-hasil pengeluaran di dalam Rancangan Buku Hijau. Selain daripada itu pusat ini juga bermatlamat untuk memberikan kemudahan asas dalam pemerosesan hasil-hasil pertanian kepada petani. Tapak-tapak yang telah dipilih ialah di Kuala Krai, Kelantan, Johor, Negeri Sembilan dan Parit Raja, Johor. Permohonan tanah baru sahaja dimulakan.
2. **Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian bagi Tanjong Karang** – Permohonan tanah telah diputuskan dalam bulan November 1976. Lukisan untuk tender telah disediakan dan diserahkan kepada Majlis Bandaran Tempatan untuk diluluskan dalam bulan Disember 1976.
3. **Pusat Memproses Kacangtanah, Pasir Mas, Kelantan** – Projek ini siap dalam bulan Disember 1976. Penyiapan pusat ini telah lewat selama 4 bulan dari masa yang dirancangkan. Ini disebabkan oleh kelambatan di pihak pengurusan kontraktor awam.
4. **Pusat Memproses Koko, Sabak Bernam** – Pihak Lembaga sedang menunggu perlantikan pakar perunding oleh ICDAU untuk projek ini.
5. **Pusat Memproses Kelapa Kering, Bachok, Kelantan** – Penyeliaan pembinaan telah dijalankan apabila kontraktor awam memulakan kerja pembinaan dalam bulan April 1976 dan siap dalam bulan Disember 1976. Kontraktor tersebut telah diberi masa tambahan selama 2 bulan.
6. **Pusat Memproses Kelapa Kering, Rengit, Johor** – Penyeliaan telah dilakukan terhadap kerja-kerja pembinaan yang telah bermula dalam bulan Mac 1976 dan dijadualkan siap pada bulan September 1978. Oleh kerana musim hujan yang tidak diduga dan juga kerana kewalutan di pihak kontraktor, penyempurnaan dijalankan dalam tahun 1977.
7. **Pusat Memproses Kelapa Kering, Sebangan, Sarawak** – Permohonan tanah telah selesai dalam bulan November 1976. Persediaan bagi dokumen-dokumen tawaran dan pelan sedang dijalankan.
8. **Pusat Memeringkat dan Memproses Lada Hitam** – Jabatan Kejuruteraan telah menolong Lembaga Pemasaran Lada Hitam dengan penyeliaan yang sepenuhnya. Penyeliaan bersama

dengan perunding-cara dalam kerja-kerja pembinaan tiga buah projek di Kuching, Sarikei dan Johor Baharu dijangka akan siap dalam tahun 1977.

### iii. Kemajuan Operasi

1. **Pusat Memproses Kopi, Kancong Darat** – Pusat Memproses Kopi ini telah memulakan operasinya dalam bulan Jun 1973. Manakala Kilang Serbuk Kopi pula memulakan operasinya dalam tahun 1975. Matlamat utama pembinaan kilang ini adalah untuk membantu pekebun-pekebun kecil kopi mendapat kepastian pasaran dan juga untuk memberikan harga yang stabil dan munasabah sejak ianya berjalan hingga bulan Disember 1976.

Pusat ini telah membeli lebih kurang 40,128 pikul biji kopi mentah bernilai lebih kurang \$584,937 dan 3,075 pikul biji yang diproses bernilai \$488,980. Pusat memproses kopi ini dijangka akan meneruskan operasinya dan tiada perubahan yang dijangkakan buat masa akan datang.

2. **Pusat Memproses Kelapa Kering, Sabak Bernam** – Pusat ini telah memulakan operasinya dalam bulan September 1974 dengan perbelanjaan lebih kurang \$170,000. Ianya mempunyai tenaga buruh seramai 15 orang. Hingga hari ini ia telah membeli lebih daripada 4 juta biji kelapa bernilai hampir \$664,490 dan 2,545 pikul kelapa kering bernilai \$105,953. Ianya telah menjual lebih dari 18,594.27 pikul kelapa kering bernilai \$772,773. Bagi tahun-tahun 1977 dan 1978, pusat ini dijangka akan meneruskan operasinya sebagaimana biasa tanpa sebarang pertukaran matlamatnya, kadar perbelanjaannya dan kedudukan kewangannya yang dijangkakan.
3. **Pusat Memproses Kelapa Kering, Bagan Datok, Perak** – Pusat ini pada asasnya mempunyai matlamat yang sama seperti di Sabak Bernam iaitu untuk memasarkan kelapa-kelapa pada harga yang berpatutan. Ianya dibina dengan harga lebih kurang \$180,000. Pusat ini yang memulakan operasinya, dalam bulan Mac 1975 sehingga Disember 1976 telah membeli 1,162,381 biji kelapa berharga \$147,779. Ia juga telah membeli 4,231 pikul kelapa kering berharga \$174,561 untuk dibaiki mutunya. Jumlah jualan kelapa kering ialah lebih kurang 11,068 pikul bernilai \$435,574. Gambaran keseluruhan operasi pusat ini adalah lebih kurang sama dengan pusat di Sabak Bernam. Pusat ini dijangka akan memperbaikkan lagi kadar pembeliannya bagi tahun 1977 dan 1978. Dengan bertambahnya kadar pembelian, pusat ini memerlukan perbelanjaan operasi yang lebih besar, berjumlah lebih kurang \$150,000 untuk tahun 1977 dan juga untuk tahun 1978.

## F. PEMASARAN

### i. Perkhidmatan Pemasaran

Perkhidmatan Pemasaran yang melibatkan urusan belian dan jualan hasil-hasil pertanian terus dijalankan dalam tahun 1976. Tujuan projek ini ialah:—

- i) Untuk menolong menyediakan luang pasaran tambahan bagi hasil pengeluaran petani dengan harga yang berpatutan.
- ii) Untuk mengujudkan unsur-unsur persaingan dalam sistem pemasaran supaya petani-petani akan mendapat pulangan yang baik daripada jualan hasil keluarannya.

- iii) Untuk memajukan perkembangan tanaman yang mempunyai potensi pasaran yang baik dengan menyediakan pasaran yang terjamin dengan harga yang berpatutan.

Dalam tahun 1976, jumlah belian yang dikendalikan di bawah projek ini ialah 1.37 juta. Hasil-hasil pertanian yang dibeli termasuk kacang tanah, kelapa kering, kelapa biji, ubikayu dan koko.

Lembaga juga mempergiatkan lagi aktivitinya untuk mengeksport hasil-hasil pertanian yang diproses. Dalam tahun 1976, Lembaga dapat mengeksport buah-buahan yang diproses dan cili sos kepada Negeri Iraq dan Saudi Arabia.

Dengan adanya saluran pasaran tambahan dan persaingan dari pihak Lembaga, pembeli-pembeli persendirian digesa untuk memberi harga yang berpatutan kepada petani-petani.

## ii. Perisik Pasaran

Tujuan jabatan ini ialah menyediakan maklumat-maklumat pasaran dan jangkaan pasaran untuk pengeluaran supaya ianya lebih teratur dan mendapat pasaran yang sempurna. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:—

1. **Laporan Barang Mingguan** — Tujuannya ialah untuk menganalisa aliran harga bagi barang kelapa dan hasil keluarannya, kopi, koko, sayur-sayuran, kacang tanah, jagung, sekoi, ubikayu, kacang soya dan copra cake. Laporan ini diedarkan kepada semua Pertubuhan Peladang, pejabat-pejabat Risma, Felda dan rancangan-rancangannya, Kemas, ahli-ahli Lembaga dan badan-badan kerajaan yang lain.
2. **Monthly Commodity Bulletin dan Monthly Commodity Statistics** — Laporan ini merupakan laporan bulanan dan suku tahunan — kandungan laporan ini memuatkan penganalisaan tentang harga-harga di peringkat ladang, kilang, borong, runcit dan eksport. Laporan ini diedarkan kepada badan-badan kerajaan yang berkenaan.
3. **Review of Agricultural Economics** — Dalam tahun 1976, Review yang telah dikeluarkan ialah vol. 6 No. 2. RAE ini telah dihasilkan oleh penulis-penulis luar dan juga pegawai-pegawai FAMA.
4. **Panduan Pembeli** — Dalam tahun 1976, Panduan Pembeli Kacangtanah telah dikeluarkan untuk kemudahan penjual-penjual bagi mendapatkan pembeli-pembeli barang tersebut.
5. **Monthly Commodity Extract** — Ianya diterbitkan sebulan sekali. Laporan-laporan yang diambil ialah dari majalah-majalah ekonomi dalam dan luar negeri. Makalah ini dikhaskan sebagai bahan rujukan untuk pegawai-pegawai FAMA sahaja.

## iii. Kemajuan Pasaran

Tujuannya ialah untuk memajukan lagi barang keluaran FAMA dan memberi publisiti mengenai kemajuan dan projek-projek FAMA. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut.

### i) Memajukan Barang FAMA

- (a) Rancangan promotional bagi brand kopi FAMA telah diadakan iaitu kopi cap

Anggerek. Poster-poster telah dikeluarkan untuk orang ramai, juga contoh-contoh serbuk kopi telah dibahagikan.

- (b) Satu brand (Peacock) telah diadakan untuk bungkusan kacangtanah menglembu keluaran sakti (FAMA, Pertubuhan Peladang dan SEDC Kelantan).
  - (c) Rancangan kempen ‘Makan lebih ikan air tawar’ juga telah dijalankan dalam tahun 1976.
- ii) **Pesta-pesta Tempatan** – Jabatan ini telah mengambil bahagian dalam semua pesta tempatan samada di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.
  - iii) **Risalah Buah-Buahan** – Jabatan ini telah mengeluarkan risalah-risalah kemajuan pasaran seperti betik, pisang dan tembikai.
  - iv) **Pameran Luar Negeri dan Rombongan Perdagangan** – FAMA telah mengambil bahagian dalam Pameran Perdagangan Malaysia di London, Yugoslavia dan Berlin. Di samping itu juga FAMA telah mengikuti rombongan perdagangan ke Jepun dan Negara-negara Asia Barat.

## G. KAWALAN DAN PERLESENAN

Dalam tahun 1976 Skim Kawalan Pemasaran telah dilaksanakan untuk hasil-hasil pertanian seperti Rancangan Kawalan Pemasaran Kopi di Negeri Selangor; Rancangan Kawalan Pemasaran Kelapa/Kelapa Kering di Negeri Perak, Pulau Pinang, Kelantan dan Trengganu; Rancangan Kawalan Pemasaran Sayur di daerah-daerah Johor Bahru, Tangkak dan Kulai; dan Rancangan Kawalan Lada Hitam di Sarawak dan Johor (di bawah kelolaan Jemaah Pemasaran Lada Hitam).

Matlamat utama daripada Skim Kawalan Pemasaran ini ialah untuk memastikan bahawa penjual-penjual melakukan amalan-amalan yang sihat dan memuaskan melalui perlesenan dan peraturannya. Juga dalam penyeliaan urusniaga yang berkaitan dengan penggunaan alat penimbang yang betul, penggunaan resit, bayaran tunai, memperkenan papantanda harga dan memberikan maklumat-maklumat urusniaga kepada FAMA.

### i. Skim Perlesenan Kacang Tanah

Peraturan (kawalan) satu skim perlesenan untuk kacang tanah telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh pihak Lembaga. Peraturan ini akan diserahkan kepada Menteri yang berkenaan untuk dilaksanakan dalam tahun 1977. Sistem kawalan ini yang memberikan lesen kepada pembeli-pembeli kacang tanah membolehkan pihak Lembaga mengawasi aktiviti-aktiviti perdagangan kacang dengan bermatlamat menghapus segala amalan pemasaran yang tidak sihat. Buat permulaannya, skim perlesenan ini akan dilaksanakan di negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Perak.

### ii. Skim Kawalan Sayur-Sayuran

Skim kawalan sayur-sayuran telah dilaksanakan pada 1hb Mei, 1975, di negeri Johor. Pada peringkat awal skim ini bermatlamat untuk menyelia dan mengawas aktiviti-aktiviti perdagangan peniaga. Perlaksanaan skim ini telah dilanjutkan dalam tahun 1976 dengan penumpuan aktiviti di peringkat pemborongan. Skim ini juga terus mengulangkaji eksport sayur-sayuran daripada

kawasan-kawasan tertentu untuk memastikan bahawa bekalan sayur yang cukup kepada pengguna-pengguna di Johor Bahru pada harga yang berpatutan.

iii. **Skim Pemasaran Lada Hitam**

Skim Pemasaran Lada Hitam bermatlamat untuk mengawal pemeringkatan lada hitam untuk pasaran eksport sebagai langkah untuk memajukan jualan lada hitam Malaysia di pasaran seberang laut dan untuk menjaga taraf Malaysia sebagai pengeksport lada hitam di pasaran dunia.

iv. **Skim Kawalan Buah-Buahan**

Rangkasar peraturan (kawalan) telah dibuat untuk Skim Kawalan Buah-Buahan untuk mlesenkan dan mengawal peringkat pertama belian buah-buahan tempatan di Semenanjung Malaysia. Buat permulaannya, peraturan ini akan dilaksanakan kepada kawasan-kawasan pengeluaran buah-buahan yang utama seperti Perak dan Johor.

v. **Bilangan Pemegang Lesen**

Bilangan lesen yang telah dikeluarkan di seluruh Semenanjung Malaysia dalam tahun 1976 mengikut jenis rancangan adalah seperti di dalam lampiran belakang.

**Pecahan Bilangan Pemegang Lesen  
Sayur 1976**

Butir-Butir		Sayur
Runcit	Bumiputera Bukan Bumiputera	26 267
Borong/ Runcit	Bumiputera Bukan Bumiputera	1 18
Borong	Bumiputera Bukan Bumiputera	— 12
Borong/ Eksport	Bumiputera Bukan Bumiputera	— 26
Eksport	Bumiputera Bukan Bumiputera	— 1
Runcit/ Borong/ Eksport	Bumiputera Bukan Bumiputera	1 11
JUMLAH	Bumiputera Bukan Bumiputera	28 335
	JUMLAH BESAR	363

**Pecahan Bilangan Pemegang Lesen  
Kelapa dan Kopi 1976**

Butir-Butir		Kelapa	Kopi
Peraih	Bumiputera	81	41
	Bukan Bumiputera	160	26
Pemeroses	Bumiputera	176	28
	Bukan Bumiputera	222	97
Pemborong	Bumiputera	31	—
	Bukan Bumiputera	35	16
Pengilang	Bumiputera	11	—
	Bukan Bumiputera	39	—
Pengeksport	Bumiputera	—	—
	Bukan Bumiputera	—	—
JUMLAH	Bumiputera	299	67
	Bukan Bumiputera	456	139
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>755</b>	<b>206</b>

**H. KIRA-KIRA TAHUNAN**

Kira-kira Lembaga yang telah diodit dikepulkan bersama-sama ini:

T.T.  
Datuk Ishak bin Hj. Pateh Akhir  
Pengerusi  
Lembaga Pemasaran Pertanian  
Persekutuan

T.T.  
Encik Abdul Rahman Hj. Yussof  
Timbalan Pengerusi  
Lembaga Pemasaran Pertanian  
Persekutuan

**LAPORAN KETUA OEDIT NEGARA MENGENAI  
KIRA-KIRA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1976**

Kunci Kira-kira yang disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota kepada Kira-kira itu yang ber-kembar ini telah diperiksa di bawah arahan saya mengikut Akta Odit, 1957. Semua kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati.

Tertakluk kepada pemerhatian-pemerhatian yang berikut, pada pendapat saya Kunci Kira-kira yang disatukan dan Kira-kira ini berserta Nota-nota terhadapnya telah diperbuat dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan pada 31 Disember 1976 dan perjalannya bagi tahun berakhir pada tarikh itu.

**KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN**

**HARTA TETAP**

**Pusat-pusat Memproses – \$758,692.53**

**Tanah – \$52,779.80 (Nota 1)**

2. Saya masih belum melihat surat hakmilik untuk empat keping tanah bernilai \$52,780 di Banting, Sabak Bernam, Bagan Datoh dan Pasir Mas. Terbit daripada ini saya tidak dapat mengesahkan bahawa tanah-tanah itu sebenarnya hakmilik Lembaga.

**HARTA SEMASA**

**Si Berhutang Pelbagai – \$1,189,211.20**

3. Jumlah \$1,189,211 ini termasuk satu pendahuluan sebanyak \$1 juta yang telah diberi kepada Jemaah Pemasaran Lada Hitam dalam bulan November 1976. Adalah difahamkan bahawa pendahuluan ini telah diberi bagi maksud pembangunan sementara menunggu wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Walaupun demikian, pendahuluan itu masih belum dibayar balik oleh Jemaah Pemasaran Lada Hitam sehingga kini.

**Akaun Tergantung – \$23,896.86 (Nota 5)**

4. Seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4 Laporan Odit lalu, Nota 5 dalam Nota-nota kepada Akaun-akaun menyatakan bahawa jumlah \$23,897 ini merupakan baki bersih bayaran-bayaran dan penerimaan-penerimaan yang tidak diketahui kepada siapa dibayar dan daripada siapa diterima dalam tahun 1974 dan 1975. Keterangan ini tidak mencerminkan kedudukan yang sebenar. Sebenarnya jumlah \$23,897 ini merupakan kekurangan bersih sebanyak \$19,429 dalam tahun 1974 dan sebanyak \$4,468 dalam tahun 1975 semasa pemeriksaan tempatan dijalankan oleh pihak FAMA. Laporan penyiasatan yang disediakan oleh pihak FAMA atas kekurangan sebanyak \$19,429 telah menetapkan bahawa kekurangan sebenar ialah \$3,554 sahaja. Walau bagaimanapun tindakan yang sewajarnya masih belum diambil oleh pihak Lembaga atas kekurangan sebenar sebanyak \$3,554 dan penyelesaian baki sebanyak \$15,875. Penyiasatan atas jumlah \$4,468 dalam tahun 1975 masih dijalankan oleh pihak FAMA.

## **TANGGUNGAN**

### **Kumpulan Wang Perniagaan**

#### **Kerugian Terkumpul – \$989,367.19**

5. Jumlah \$989,367 ini merupakan kerugian terkumpul bersih sehingga akhir tahun 1976 bagi 11 buah pejabat penjualan di Negeri-negeri yang mana 8 daripadanya mengalami kerugian terkumpul berjumlah \$1,012,094 dan 3 daripadanya lagi mendapat keuntungan terkumpul sebanyak \$22,727. Jumlah kerugian bersih bagi 11 buah pejabat penjualan bagi tahun 1976 ialah \$24,271. Terbit daripada itu baki daripada \$1 juta yang telah diuntukkan oleh Lembaga untuk menjalankan aktiviti ini ialah hanya \$10,633. Memandangkan kepada kerugian terkumpul yang besar ini adalah disyorkan supaya tindakan yang sesuai diambil untuk mengkaji semula aktiviti perniagaan itu untuk memperbaiki kedudukan kewangan pejabat-pejabat penjualan itu.

### **Pusat-Pusat Memproses**

#### **Kerugian Terkumpul – \$414,006.30**

6. Semua empat pusat memproses telah mengalami kerugian berjumlah \$146,962 dalam tahun 1976 dan terbit daripada ini kerugian terkumpul berjumlah \$267,044 pada akhir tahun 1975 telah meningkat ke \$414,006 pada akhir tahun ini. Seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan 5 di atas, tindakan perlu diambil untuk mengkaji semula aktiviti ini dengan menyemak semula pengurusan pusat-pusat memproses itu dan polisi menetapkan harga-harga belian dan jualan untuk memperbaiki kedudukan kewangan pusat-pusat memproses itu.

### **Kumpulan Wang Perumahan – \$80,555.54**

7. Jumlah \$80,556 ini termasuk \$80,000 yang telah diuntukkan oleh Lembaga bagi maksud pinjaman perumahan untuk pegawai dan kakitangannya dan \$556 yang dipungut sebagai faedah pinjaman. Walaupun demikian pinjaman perumahan sebanyak \$129,869 pada akhir tahun 1976 telah melebihi peruntukan Kumpulan Wang ini dengan sebanyak \$49,869. Saya masih belum melihat kelulusan pihak Lembaga atas kelebihan ini. Juga faedah yang diterima daripada siber hutang perumahan sepatutnya diambil kira sebagai Pendapatan Kumpulanwang Biasa dan tidak sebagai tambahan kepada Kumpulan Wang ini.

### **Kumpulanwang Kenderaan – \$259,635.68**

8. Termasuk dalam jumlah \$259,636 ini ialah \$9,636 yang merupakan faedah yang diterima daripada siber hutang kenderaan dalam tahun 1975 dan 1976 yang sepatutnya diambil kira sebagai Pendapatan dalam tahun-tahun itu dan tidak sebagai tambahan kepada Kumpulanwang ini.

## **KUMPULANWANG BIASA**

### **PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**

**Perbelanjaan Gaji, Elaun dan Kos Kakitangan – \$2,028,422.04**

**Pengangkutan dan Perjalanan Kakitangan – \$452,541.99**

9. Termasuk dalam jumlah-jumlah ini ialah lebih kurang \$122,000 bagi gaji, elaun dan kos kakitangan dan \$61,000 bagi pengangkutan dan perjalanan yang telah dibayar kepada pegawai-pegawai FAMA yang telah dipinjamkan kepada Jemaah Pemasaran Lada Hitam. Seperti tahun lalu, pembayaran-pembayaran seperti ini masih belum dituntut daripada pihak Jemaah itu.

**AM**

**Akaun Perniagaan FAMA Yang Diselenggarakan di Kuala Trengganu**

10. Oditan yang lengkap tidak dapat dijalankan oleh kerana lejar-lejar am tidak dapat diserahkan untuk diodit. Terbit daripada itu saya tidak dapat mengesahkan jika angka-angka dalam Penyata Kira-kira bagi Akaun Perniagaan di Kuala Trengganu adalah bersamaan dengan lejar-lejar am.

**Anggaran Beanjawan Tahunan Lembaga**

1. Menurut Seksyen 9 (2) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1966, Anggaran Belanjawan tahunan FAMA hendaklah diluluskan oleh Menteri Pertanian. Walaupun demikian, saya masih belum melihat kelulusan Menteri Pertanian atas Anggaran Belanjawan bagi tahun 1976 dan terbit daripada itu segala perbelanjaan tahun ini telah dibuat tanpa kuasa yang tertentu.

**Kawalan Dalam**

12. Kawalan dan penyeliaan atas urusan-urusan kewangan dan perakaunan adalah kurang memuaskan. Masalah-masalah pengesahan perbelanjaan selalu timbul disebabkan sebahagian rekod-rekod dan dokumen-dokumen sokongan bayaran tidak dikemukakan untuk diodit. Juga beberapa perbelanjaan yang tidak selaras dengan peraturan-peraturan Kerajaan telah dilakukan. Sungguhpun pemerhatian odit telah dikeluarkan atas perbelanjaan-perbelanjaan itu, tindakan untuk memungut balik perbelanjaan itu masih belum diambil oleh FAMA atau keterangan yang memuaskan masih belum diterima oleh saya. Juga buku-buku stok untuk mengawal penerimaan dan pengeluaran borang resit dan lesen tidak diselenggarakan dengan memuaskan. Oleh yang demikian, saya tidak dapat mengesahkan sama ada semua kutipan yang telah diterima telah diperakaunkan dalam Kira-kira FAMA dengan betul.

t.t.

(LEE SIEW KUAN)  
b.p. Ketua Odit Negara

**KUALA LUMPUR,  
22 Disember 1981.**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN**  
**(Federal Agricultural Marketing Authority)**  
**MALAYSIA**

**Kunci Kira-Kira Kumpulan Wang Biasa, Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Perniagaan  
 dan Pusat-Pusat Memproses disatukan pada 31hb. Disember, 1976**

1976	\$	\$	\$
<b>KUMPULAN WANG TERKUMPUL</b>			
<b>Kumpulan Wang Biasa</b>			
1,185,287.45			
39,975.24			
150,000.00			
700,000.00			
889,975.24			
295,312.21			
—			
Campur: Pendapatan melebihi perbelanjaan			
295,312.21			
139,613.35			
5,555,730.09			
1,000,000.00			
965,096.07			
34,903.93			
—			
34,903.93			
<b>Pusat-Pusat Memproses</b>			
539,640.57			
267,044.39			
272,596.18			
256,982.00			
529,578.18			
—			
Kumpulan Wang Perumahan			
—			
Campur: Faedah yang diterima			
—			
—			
250,000.00			
2,444.26			
252,444.26			
<b>TANGGUNGAN SEMASA</b>			
689,720.07			
325,072.84			
76,000.00			
—			
1,090,792.91			
\$7,758,761.58			

**(ABU BAKAR BIN ABDUL HAMID)  
 PENGARAH,  
 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN  
 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
 MALAYSIA**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN**  
**(Federal Agricultural Marketing Authority)**  
**MALAYSIA**

**Kunci Kira-Kira Kumpulan Wang Biasa, Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Perniagaan  
 dan Pusat-Pusat Memproses disatukan pada 31hb. Disember, 1976**

**1975**

\$	\$	\$	\$
HARTA TETAP (Nota 1)	Kos	Susutnilai Terkumpul	Jumlah Bersih
60,342.07	138,072.83	82,446.55	55,626.28
167,848.49	470,265.89	320,900.71	149,365.18
79,953.77	86,451.64	30,712.22	55,739.42
502,060.53	840,509.86	81,817.33	758,692.53
